

# Harga stabil minyak AS\$50-AS\$60 setong

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 FEB.

**H**ARGA minyak antara AS\$50 hingga AS\$60 (RM221.20 hingga RM265.44) setong merupakan julat yang stabil untuk memastikan trend pergerakan harga komoditi itu tidak memberi kesan buruk kepada negara.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, keadaan ini boleh dilihat ketika 2008 apabila harga minyak pada AS\$139 (RM614.94) setong memberi kesan kepada pendapatan kerajaan yang ketika itu bergantung kepada hasil minyak.

“Sebenarnya, harga minyak yang terlalu tinggi atau terlalu rendah, kedua-dua keadaan ini tidak baik untuk negara. Kita berharap ia dapat berlegar dalam julat yang stabil iaitu antara AS\$50 hingga AS\$60 (RM221.20 hingga RM265.44) setong berdasarkan pengiraan saya.

“Ia adalah julat yang akan memberi kestabilan kepada kedua-dua keadaan kerana harga yang terlalu tinggi menyebabkan pergantungan Malaysia terutama dari segi penggunaan dan harga yang kemung-



**NOOR AZLAN GHAZALI**

kinan menerima kesan buruk. Atas sebab itu, ia perlukan julat stabil yang dianggap baik kepada negara,” katanya.

Beliau yang juga Ketua Kluster Pengurusan dan Ekonomi Majlis Profesor Negara berkata demikian selepas majlis penyerahan wafat pelantikan Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz sebagai Felo Diraja UKM, pelancaran program Rangkaian Asia Tenggara (Seanet) dan pelancaran Program Perintis Latihan Penyelidikan dengan kerjasama Hab Penyelidikan Bank Dunia di Malaysia.

Yang turut hadir Pengurus Negara Hab Penyelidikan dan Penguatkuasaan Global Bank Dunia, Faris Hadad-Zervos; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof.

Datuk Dr. Imran Ho Abdullah; Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas) UKM, Prof. Datuk Dr. Rashila Ramli dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas), Wan Saiful Wan Jan.

Pada 2009, hasil minyak menyumbang 41.3 peratus kepada kerajaan tetapi berkurangan kepada 14.6 peratus awal tahun ini.

Setakat tengah hari ini, harga minyak mentah Brent yang merupakan penanda aras bagi harga minyak global diniagakan pada AS\$56.91 (RM251.77) setong, meningkat 10 sen manakala minyak mentah Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) meningkat lapan sen kepada AS\$53.91 (RM238.50) setong.

Menurut *Reuters*, peningkatan itu disebabkan kebimbangan sekatan baharu AS terhadap Iran akan terus menjejaskan bekalan minyak mentah, tetapi pasaran menunjukkan tanda-tanda AS akan meningkatkan pengeluaran.

Jelas Noor Azlan, penggunaan swasta di Malaysia tidak sepenuhnya bergantung kepada harga minyak. Terdapat faktor-faktor lain antaranya, sejauh mana prospek ekonomi negara dan situasi domestik bergantung kepada sektor-sektor berkaitan.